

23/07/2001

ICJ: Filipina cuba menanggung di air keruh

Khairul Bahri Basaruddin

APABILA Filipina menyatakan keinginannya mendapat kebenaran mencelah perbicaraan kes tuntutan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) tetapi tidak ingin menuntut hak kedua-dua pulau itu, Malaysia dan Indonesia yang terbabit dalam kes itu tertanya-tanya apakah motif negara bekas jajahan Amerika Syarikat itu.

Selepas empat hari perbicaraan di depan 14 hakim tetap dan dua hakim ad-hoc ICJ, tembelang Filipina terdedah apabila negara rakan Asean itu menggunakan pentas Mahkamah Dunia untuk memberitahu masyarakat antarabangsa berhubung tuntutan tidak berasas ke atas Sabah atau Borneo Utara (istilah yang digunakan oleh Filipina).

Filipina berselindung di sebalik peruntukan Perkara 62 Statut ICJ untuk memohon kebenaran dengan alasan keputusan yang akan dibuat oleh ICJ berhubung tuntutan Indonesia ke atas kedua-dua pulau itu mungkin menjejaskan kepentingan undang-undang asasi negara itu.

Bagaimanapun, apabila Filipina mengemukakan permohonan itu di depan hakim ICJ, negara itu bukan saja gagal membuktikan keputusan mahkamah mungkin menjejaskan kepentingan undang-undang asasi Filipina, malah hujah negara itu kosong dan tidak berisi.

Duta Filipina ke Belanda, Eloy R Bello III, dalam kenyataan pembukaannya di ICJ, berkata pihaknya tidak ingin menggunakan masa perbicaraan itu untuk mendapat pengesahan mahkamah membuat tuntutan ke atas Borneo Utara.

Kenyataan pembukaan Bello itu hanya satu kata-kata diplomasi untuk menyedapkan hati perwakilan Malaysia dan Indonesia dalam perbicaraan itu kerana jika dikaji secara terperinci, hujah peguambela Prof Michael Reisman dan Setiausaha Rendah Perhubungan Luar Filipina, Merlin M Magallona, tertumpu kepada tuntutan negara itu ke atas Borneo Utara.

Malah, mereka secara terang-terangan mendakwa Borneo Utara adalah hak Filipina sejak Kesultanan Sulu menyerahkan kedaulatan wilayahnya kepada negara itu pada 1962.

Apapun alasan yang diberikan Filipina, kini sudah jelas negara itu ingin memberitahu dunia bahawa Sabah adalah hak negara itu dan perlu dikembalikan kepada mereka dengan apa cara pun.

Riesman dan Magallona menggunakan pentas ICJ itu untuk mengesahkan pendirian Filipina tidak berminat terhadap pertikaian kedaulatan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan tetapi mendakwa tafsiran treti, perjanjian serta fakta tertentu yang digunakan negara terbabit dalam perbicaraan akan menjejaskan tuntutannya ke atas Borneo Utara.

Bagaimanapun, negara itu gagal untuk menyatakan secara tepat persoalan berhubung dengan treti yang mahkamah perlu timbangkan dalam membuat keputusan terhadap kes yang didengar itu.

Filipina hanya mengadu kepada mahkamah beberapa kali kegagalan negara itu mendapat pernyataan kes daripada mahkamah dan ia tidak mengetahui apa yang diperkatakan oleh Malaysia dalam kes itu. Malangnya, Filipina tidak pernah menulis secara terus kepada Malaysia untuk mendapatkan pernyataan kes itu.

Sebenarnya, Filipina mengetahui kandungan treti dan perjanjian itu. Ia boleh menyatakan secara khusus persoalan yang ingin ditimbulkan dalam treti itu, apakah peruntukan dan apakah perkara penting yang ingin ditafsirkan dalam tuntutannya ke atas Sabah.

Bagaimanapun, Filipina gagal berbuat demikian. Sebenarnya, tuntutan negara itu ke atas Sabah bukan berasaskan kepada sebarang treti. Ia juga

bukan berdasarkan kepada Protokol 1885 atau Konvensyen 1930. Tuntutan itu berasaskan undang-undang penyerahan hak persendirian oleh undang-undang persendirian waris Sultan Sulu bermula sejak 1962.

Magallona mengemukakan persoalan asas Filipina adalah undang-undang persendirian waris Sultan Sulu secara keseluruhannya mengekalkan kedaulatan ke atas bahagian Borneo Utara pada 1962, yang mana kedaulatan itu diserahkan kepada Filipina.

Bagaimanapun, peguambela Malaysia, Prof James Crawford SC, berkata mahkamah tidak perlu memutuskan persoalan itu. Apa yang berlaku di Manila pada 1962 tidak mempunyai kaitan dengan persoalan sama ada Pulau Ligitan dan Sipadan milik Malaysia atau Indonesia.

Jadi, dakwaan Filipina mempunyai hak sejak 1962 tidak memberi kesan terhadap kes yang dibicarakan oleh mahkamah.

Filipina juga mendakwa pajakan bahagian Borneo Utara yang dibuat oleh Sultan Sulu dengan ahli perniagaan keturunan Austria, Overbeck, dan rakyat Inggeris, Dent, adalah sah.

Prof Crawford berkata, kes Malaysia tidak bergantung kepada sama ada pajakan itu sah atau tidak. Sepanyol dan United Kingdom ketika menandatangani Protokol 1885 tidak mencatat perkara mengenai pajakan.

Filipina mendakwa, Protokol 1885 yang memberi hak Sultan Sulu ke atas Borneo Utara juga tidak terjejas.

Prof Crawford berkata, ia bukan menjadi perkara dalam kes yang dibicarakan itu. Hak Malaysia ke atas kedua-dua pulau itu tidak bergantung kepada Protokol 1885, ia hanya berkaitan dengan pulau dalam lingkungan sembilan batu dari pantai.

Selain itu, negara itu mendakwa Konvensyen 1930 pemberian hak Sultan Sulu ke atas bahagian Borneo Utara tidak terjejas. Ia juga bukan perkara dalam kes Malaysia dan Indonesia, kata Prof Crawford.

Katanya, mahkamah mungkin membuat ulasan mengenai skop wilayah dalam Konvensyen 1930 berkaitan dengan kedua-dua pulau itu walaupun sebagai perkara sokongan. Tetapi skop wilayah yang dituntut oleh Filipina adalah jelas dan ia bukan menjadi isu dalam kes ini.

Bagaimanapun, katanya, tuntutan Filipina ke atas bahagian tertentu Sabah tidak bergantung kepada skop wilayah Konvensyen 1930. Malaysia atau Indonesia tidak menyatakan dalam pernyataan kes berhubung kesan konvensyen itu ke atas Sultan Sulu.

Filipina mendakwa, perisytiharan 1946 yang dibuat oleh Britain menjajah Borneo Utara adalah tidak sah dan tidak menjejaskan kuasa Sultan Sulu ke atas Borneo Utara.

Prof Crawford berkata, perkara itu juga bukan isu kes. Jika Pulau Sipadan dan Ligitan bukan menjadi bahagian Borneo Utara pada 1945, perisytiharan Borneo Utara sebagai jajahan Britain tidak mengubah keadaan itu. Tidak ada persoalan mengenai kesahihan perisytiharan itu berhubung dengan mungkin Filipina mempunyai kaitan dengan kedua-dua pulau berkenaan.

Filipina juga dilihat kerap mengubah pendirian mengenai tuntutan ke atas Sabah atau sengaja ingin mengelirukan Malaysia supaya isu tuntutan itu terus menjadi modal hangat negara itu.

Contohnya, Magallona pernah menyatakan kepada mahkamah bahawa negara itu tidak pernah mempersoalkan kedaulatan Malaysia dan kewujudan Sabah sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, negara itu mempertikaikan pengambilan Borneo Utara oleh Malaysia yang dibuat secara tidak sah melalui penyerahan wilayah itu oleh Britain.

Di sini, kita dapat lihat Filipina cuba mengelirukan fakta sejarah dan undang-undang apabila mempersoalkan penyerahan Borneo Utara oleh Britain kepada Malaysia.

Negara itu terus cuba menimbulkan kekeliruan apabila mendakwa

pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kemasukan Sabah dalam Malaysia tidak mempunyai kaitan dengan tuntutan negara itu ke atas Borneo Utara.

"Tidak benar sama sekali dakwaan Malaysia, kami tidak menuntut Sabah tetapi wilayah Borneo Utara," kata Magallona.

Bello pula menolak dakwaan Malaysia bahawa tindakan negara itu untuk memohon kebenaran mencelah sebagai satu propaganda politik dan tidak berasas. Cubaan wakil Filipina untuk mengelirukan masyarakat dunia mengenai tuntutannya ke atas Sabah dapat ditangkis Malaysia yang diketuai Tan Sri Abdul Kadir Mohamad yang bertindak sebagai ejen Malaysia ke perbicaraan itu.

Abdul Kadir bersama peguam bela yang berpengalaman dan mahir dalam undang-undang antarabangsa bukan saja membetulkan kekeliruan itu tetapi berjaya memberi penjelasan secara tepat dakwaan yang ditimbulkan Filipina itu.

Selain itu, Malaysia berjaya mengelakkan diri daripada terperangkap dengan muslihat Filipina yang ingin melihat Malaysia mendedahkan bukti yang ada pada negara ini berhubung dengan Sabah.

Kalau kita teliti, Filipina menggunakan pentas ICJ ini untuk memperoleh maklumat sebanyak mungkin mengenai fakta sejarah dan undang-undang berhubung Borneo Utara kerana negara itu mempunyai matlamat untuk membawa tuntutannya ke Mahkamah Dunia.

Abdul Kadir berkata, Filipina bukan saja tidak berhak membuat tuntutan ke atas Sabah tetapi juga tidak mempunyai hak untuk mencelah dalam tuntutan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan.

Katanya, masa depan dua juta rakyat Sabah yang memilih menyertai Malaysia pada 1962 tidak boleh didagangkan.

"Malaysia ingin menegaskan bahawa Filipina bukan saja tidak mempunyai hak untuk mencelah dalam prosiding ini tetapi juga tidak boleh membuat tuntutan ke atas Sabah.

"Masa depan rakyat Sabah tidak boleh dijual beli. Perbicaraan kes ini adalah membabitkan tuntutan Indonesia terhadap kedaulatan wilayah Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan dan bukan tuntutan Filipina ke atas Sabah," katanya.

Malaysia berpendapat tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah berasaskan kepentingan politik dan tiada kaitan langsung dengan undang-undang.

Sementara itu, Prof Sir Elihu Lauterpacht, berhujah Malaysia tidak dapat menerima dakwaan Filipina bahawa hak undang-undang dan sejarah negara itu terjejas berikutan keputusan mahkamah.

Katanya, sejak kurun ke-19, Borneo Utara tidak pernah di bawah pemerintahan Filipina atau kesultanan dan negara itu tidak boleh membuat tuntutan selepas lewat beratus tahun.

Prof Lauterpacht berhujah pemilikan Malaysia ke atas Borneo Utara disahkan melalui penerimaan PBB terhadap hak itu yang menjadi hasrat rakyat negeri itu.

Katanya, permohonan Filipina untuk mendapat kebenaran mencelah juga cacat dan tidak sesuai untuk dijadikan satu permohonan dalam kes itu.

Selain itu, katanya, jika Filipina beriya-iyanya ingin menuntut Sabah, negara itu boleh merujuk tuntutan itu di ICJ sebaik saja ia mendapat kemerdekaan pada 1946.

Bagaimanapun, katanya, negara itu tidak pernah membawa Britain yang menjadi penjajah Borneo Utara ke ICJ walaupun kedua-dua negara adalah ahli PBB yang menerima bidang kuasa mahkamah.

Prof Lauterpachts berkata, tindakan Filipina memohon mencelah kes tuntutan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan bercanggah dengan janji bekas Presiden Ferdinand Marcos untuk menggugurkan tuntutan negara itu ke atas Sabah pada 1977.

Katanya, Marcos ketika menghadiri mesyuarat Ketua-Ketua Negara Asean pada 1977 berjanji untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.

Kini kita menyerahkan kepada kebijaksanaan 14 hakim tetap dan dua hakim ad-hoc untuk memutuskan permohonan Filipina.

Bagi Malaysia, seperti yang ditegaskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hak kita (ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan) akan dipertahankan habis-habisan.

Malaysia akan melakukan apa saja bagi mempertahankan hak dan kedaulatan negara terhadap Sabah serta pulau di perairannya.

Perdana Menteri berkata, Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan kerajaan akan memastikan keadaan itu kekal untuk selama-lamanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mengambil pelbagai langkah bagi mempertahankan kedaulatan wilayahnya, termasuk menubuhkan badan khas bagi mengkaji serta mengumpul bukti yang menyokong tuntutan negara.

"Sebab itu kita kemukakan bukti itu kepada ICJ dengan harapan ia dapat diadili," katanya.

Dr Mahathir turut menyifatkan tindakan Filipina mencelah perbicaraan tuntutan Pulau Sipadan dan Ligitan itu sebagai menanggung di air keruh.

"Ada orang tumpang `tui' untuk diri mereka... jagalah diri sendiri," katanya.

(END)